

Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2016 disambut Ahad ini

# DVS sasar 1,500 pengunjung

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

**P**UTRAJAYA — Sambutan Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2016 yang akan berlangsung di Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kuala Lumpur Ahad ini dijangka menarik kehadiran kira-kira 1,500 pengunjung yang terdiri daripada semua golongan masyarakat.

Pengarah Bahagian Kanan (Bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS) DVS, Datuk Dr. Muhammad Safaruddin Md. Dawam berkata, pihaknya telah merancang pelbagai bentuk aktiviti agar mesej utama sambutan tersebut dapat dinanfaatkan oleh pengunjung.

Menurut beliau, mereka berharap sambutan berkenaan dapat meningkatkan tahap kesedaran pengunjung mengenai kepentingan melindungi kebajikan haiwan memandangkan budaya menyayangi haiwan masih pada tahap minimum dalam kalangan masyarakat tempatan.

Sambutan ini juga dianjurkan untuk memberi penghargaan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan-persatuan haiwan dan juga individu yang telah banyak menyumbang tenaga, kewangan dan sebagainya dalam membantu haiwan-haiwan yang

memerlukan bantuan," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dr. Muhammad Safaruddin berkata, walaupun hanya menyasarkan kehadiran kira-kira 1,500 orang pengunjung, mereka tetap menganggap jumlah itu sebagai satu permulaan yang baik kerana pihaknya akan mengadakan siri program kesedaran di seluruh negara.

"Sebenarnya sambutan Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan ini disambut sempena dengan Hari Haiwan Sedunia yang diraikan pada

4 Oktober setiap tahun di seluruh dunia.

"Kebanyakan negara yang menganggotai Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) menyambut Hari Haiwan Sedunia sebagai tanda penghargaan kepada semua jenis haiwan.

"Sebagai negara anggota OIE, Malaysia mengambil kesempatan sempena hari tersebut untuk mengadakan Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan pada tahun ini," ujarnya.

Antara aktiviti yang akan dijalankan pada acara berkenaan ialah Forum Kebajikan Haiwan, pertandingan syarahan pelajar sekolah dan demonstrasi latihan kepatuhan anjing oleh Yayasan Kebajikan Haiwan Kebangsaan Malaysia (MNAWF).



DR. MUHAMMAD SAFARUDDIN (kiri) dan Ketua Unit Kebajikan Haiwan DVS Putrajaya, Dr. Marzuna Md. Yunus menunjukkan poster Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2016 di Putrajaya semalam.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam DVS, Dr. Nor Nazihah Ahmad Ruslan berkata, sebanyak enam kategori dipertandingkan pada Pertandingan Kucing yang akan berlangsung Sabtu ini.

"Sebanyak 60 ekor kucing yang terdiri daripada baka Male Shorthair, Female Shorthair, Junior Shorthair, Male Longhair, Female Longhair dan Junior Longhair akan bertanding.

"Setiap kucing yang bertanding wajib memiliki Pet Passport malah, setiap penyertaan mestilah menjalani pemeriksaan veterinar dan mempunyai sijil kesihatan yang sah

untuk diserahkan ketika pendaftaran bagi pengesahan," katanya.

Sambutan Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2016 dijangka dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Dalam pada itu, DVS dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) akan menganjurkan Persidangan Edible-birdnest Industry Conference 2016 di Hotel Marriott di sini pada 11 dan 12 Oktober ini.

Ia merupakan persidangan kali ketiga anjuran DVS.

*Kosmo*  
5/10/16  
mts 18



KUCING baka Male Shorthair bakal menjadi antara tarikan pada pertandingan kucing sempena penganjuran Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2016 di Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kuala Lumpur Sabtu ini.

**INFO** Hari Kebajikan  
Haiwan  
Kebangsaan 2016

**Lokasi:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar, KM4 Jalan Selar 4 Off Jalan Cheras, Kuala Lumpur

**Tarikh:** 9 Oktober

**Waktu:** 8.30 pagi - 5 petang

**Telefon:** 03-9284 9716,  
03 9284 9718

**Faks:** 03-9284 9717